



**KEMENTERIAN  
PERPADUAN NEGARA**

**KENYATAAN MEDIA**

**MESYUARAT PERTAMA MAJLIS PENASIHAT PERPADUAN  
NEGARA (MPPN) DI BAWAH KEMENTERIAN PERPADUAN  
NEGARA**

---

18 Ogos 2020, Kuala Lumpur - **Mesyuarat yang diurusetikan oleh Kementerian Perpaduan Negara turut dihadiri oleh YB Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique selaku Timbalan Pengerusi MPPN, YB Timbalan Menteri Perpaduan Negara, Senator Dato' Sri Ti Lian Ker dan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, YBhg. Datuk Wan Suraya Wan Md Radzi selaku Setiausaha MPPN.** Seramai 23 orang ahli MPPN yang terdiri daripada tokoh-tokoh masyarakat merangkumi pelbagai sektor termasuk wakil dari Ahli Korporat, Akademik, Atlet dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) telah hadir seperti Lampiran 1. Kementerian Perpaduan Negara adalah merupakan sekretariat kepada MPPN.

2. Pada mesyuarat julung kali ini, ahli mesyuarat MPPN turut menerima watakah pelantikan ahli selama 2 tahun yang diserahkan oleh Pengerusi MPPN. Mesyuarat MPPN ini merupakan platform diskusi yang membincangkan isu-isu dan cabaran perpaduan secara lebih strategik di samping mencapai jalan penyelesaian yang lebih praktikal, dan mampu direalisasikan, sejajar dengan keperluan dan tuntutan semasa masyarakat negara ini.

3. MPPN ini disokong oleh Jawatankuasa Pelaksana Perpaduan Negara yang dipengerusikan oleh YB Menteri Perpaduan Negara di peringkat Kementerian dan Jawatankuasa Tindakan Perpaduan Negeri yang dipengerusikan oleh ahli-ahli YB EXCO Perpaduan Negeri di peringkat negeri masing-masing

4. MPPN seterusnya dijadualkan akan bersidang pada setiap dua (2) bulan sekali bagi membincangkan hal ehwal perpaduan dan integrasi nasional secara bersepadu demi kepentingan rakyat dan negara Malaysia.

**-TAMAT-**

***Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:***

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

**Pertanyaan media:**

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 / 569

E-mail: [pro@perpaduan.gov.my](mailto:pro@perpaduan.gov.my)

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (21)